

Tebar 600 roti canai bantu rakan siswa

20 sukarelawan UMP sediakan sarapan untuk mahasiswa

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Sukarelawan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** menghasilkan 600 keping roti canai dan diedarkan secara percuma kepada mahasiswa universiti itu melalui 'Projek Dapur Kita Mahasiswa UMP Bantu Mahasiswa' pada Sabtu.

Inisiatif digerakkan 20 sukarelawan dari Skwad Yayasan UMP itu sebagai usaha membantu mengurangkan perbelanjaan harian mahasiswa dan sarapan sebelum memulakan sesi kuliah.

Pengurus projek, Muhammad Hisammudin Abdul Halim berkata, projek itu diurus sepenuhnya oleh sukarelawan terlibat bermula dengan mengumpul dana, penyediaan adunan, menebar roti canai serta mengagihkan kepada mahasiswa.

Sinar Harian 11/11/2022 (Selasa) m/s : 22



Muhammad Hisammudin (kanan) bersama rakannya, Muhammad Zubair Faiz Zulkefry menyediakan roti canai pada Sabtu.

Menurutnya, peluang menyediakan roti canai itu satu pengalaman berharga untuk mereka.

"Kami tidak pernah membuat roti canai sebelum ini malah ada dalam kalangan sukarelawan hanya belajar menebarnya pagi ini (Sabtu) namun percubaan pertama ini berhasil.

"Ia satu pengalaman berharga buat kami semua," kata pelajar tahun dua Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan

Mekatronik itu.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Yayasan UMP, Mohd Jamil Mohd Ja'afar berkata, sukarelawan Skwad Yayasan UMP sentiasa memberi sokongan dalam semua program anjuran yayasan itu.

Katanya, program tersebut idea daripada mahasiswa sendiri yang cakna terhadap kebajikan mahasiswa yang memerlukan.

"Pelbagai program telah dirancang dan akan dilaksanakan sepanjang tahun ini," katanya.